



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/B/0059
Tarikh : 10 November 2014

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 15 TAHUN 2014**

**PENDAFTARAN ANGGOTA LGM YANG SEDANG MENGIKUTI PENGAJIAN
JARAK JAUH (PJJ) DENGAN MENGGUNAKAN DANA SENDIRI**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak UPSM sedang mengemaskini data Cuti Tanpa Rekod (untuk menduduki peperiksaan) bagi pengajian jarak jauh dengan menggunakan dana sendiri.
3. Sehubungan dengan itu, bagi anggota berkenaan yang sedang mengikuti pengajian jarak jauh (PJJ) diminta untuk mengisi borang terlampir bagi tujuan pendaftaran di UPSM untuk kelulusan Cuti Tanpa Rekod (untuk menduduki peperiksaan) di masa hadapan.
4. Borang pendaftaran yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kembali ke UPSM sebelum 01 Disember 2014. Kegagalan membuat demikian mungkin akan menyebabkan permohonan Cuti Tanpa Rekod (untuk menduduki peperiksaan) tuan/puan di masa hadapan tertangguh. Kerjasama tuan/puan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.
5. Permohonan Cuti Tanpa Rekod (untuk menduduki peperiksaan) hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya 5 hari sebelum tarikh peperiksaan. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Sekian harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(SHAHIR BIN MOHD SALLEH)

s.k YBhg Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah- Pengarah Bahagian

BORANG PENDAFTARAN ANGGOTA LGM YANG SEDANG MENGIKUTI
PENGAJIAN JARAK JAUH (PJJ) DENGAN MENGGUNAKAN DANA
SENDIRI

NAMA :

JAWATAN/GRED :

BAHAGIAN/UNIT/ PROGRAM :

NO.GAJI :

BIDANG KURSUS YANG DIAMBIL :

.....

INSTITUSI PENGAJIAN :

.....

TARIKH MULA PENGAJIAN :

JANGKAAN TARIKH AKHIR PENGAJIAN :

Nota : Sila lampirkan surat tawaran pengajian dari Institusi Pengajian.